



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**
DIMP,AMN,AMT,P,JC
Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**
AMP, MIS (M)
Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**
FISM

PEKELILING NO. 4/2007

Tarikh : 3 Julai 2007
Kepada : Semua Penganjur Program CPD Bagi Kategori Latihan 'In-house'

Y.Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

POLISI BARU BAGI PERMOHONAN KELULUSAN PROGRAM CPD DAN POIN KREDIT CPD DI BAWAH KATEGORI LATIHAN 'IN-HOUSE'

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang bersidang pada 23 April 2007 telah menetapkan mengenai perkara-perkara berikut, berkuatkuasa daripada tarikh surat pekeliling ini;

- (i) Penganjur yang ingin memohon bagi mendapatkan 'Poin Kredit CPD' bagi kategori latihan 'in-house' digalakkan mengadakan latihan tersebut pada hari Sabtu atau selepas waktu bekerja bagi melayakkan program tersebut dipertimbangkan poin kredit CPD. Dengan cara ini, pihak Lembaga berpendapat bahawa para peserta akan dapat menumpukan lebih perhatian kepada subjek yang diajar.
- (ii) Sebarang program latihan 'in-house' yang dijalankan pada hari bekerja hendaklah dibuat tidak kurang daripada 1/2 (setengah) hari bekerja.
- (iii) Bagi program latihan 'in-house' yang diadakan kurang daripada 1/2 (setengah) hari atau minimum 2 (dua) jam akan dipertimbangkan 1/2 (setengah) poin kredit CPD sahaja.

Dengan pengeluaran pekeliling ini, LJBM berharap agar mutu perkhidmatan program latihan 'in-house' ini dapat dipertingkatkan dan diteruskan oleh pihak Y.Bhg. Dato'/ tuan/ puan.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,

Abd. Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia